



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 24 Oktober 2016

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2016 PENYEWAAN KENDERAAN LUAR (BAS) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeliling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran. Untuk makluman, pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 November 2016**. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya pekeliling ini dapat diedarkan kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"


Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

UKM



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2016

PENYEWAAN KENDERAAN LUAR (BAS) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan dengan urusan penyewaan kenderaan luar.

LATAR BELAKANG

2. Perkhidmatan pengurusan kenderaan yang dipertanggungjawabkan oleh Pengurusan Kenderaan di bawah Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar UKM berperanan menyediakan perkhidmatan ini kepada semua warga Universiti. Ini bagi memastikan perjalanan bagi setiap urusan dapat dilaksanakan dengan lancar.

3. Berdasarkan rekod kenderaan Universiti mendapati bahawa jumlah bas adalah tidak mencukupi dan tidak mampu untuk menampung jumlah keperluan pengguna. Oleh itu, urusan penyewaan dibuat bagi tujuan ini. Memandangkan permintaan dan kos penyewaan yang tinggi, Universiti mensarankan supaya kos ini ditanggung oleh peruntukan PTj atau Projek Penyelidikan masing-masing.

PELAKSANAAN

4. PTj perlu mengambil langkah-langkah berikut;

4.1 Merancang dan meneliti setiap keperluan penyewaan bas dan memastikan peruntukan yang akan digunakan mencukupi.

4.2 Mematuhi kaedah permohonan penyewaan kenderaan melalui Sistem Pengurusan Kenderaan melalui Portal eWarga. PTj digalakkan membuat permohonan awal.

Rujuk Carta Alir Permohonan Kenderaan seperti di Lampiran 1.

4.3 Sekiranya permohonan tidak diluluskan, segala urusan penyewaan akan diuruskan oleh PTj dengan menggunakan peruntukan masing-masing atau Projek Penyelidikan yang ditetapkan dan tertakluk kepada tatacara Pengurusan Perolehan.

4.4 Penyewaan bas hendaklah menggunakan perkhidmatan syarikat yang telah berdaftar dengan Universiti.

5. PTj disarankan supaya membuat unjuran peruntukan penyewaan kenderaan selaras dengan penyediaan bajet bagi tahun 2017.

PENGUATKUASAAN

6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 November 2016**.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi pejabat Pengurusan Kenderaan, Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar di talian 03-89214397 dan Unit Bajet, Jabatan Bendahari di talian 03-89214286/ 5098.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM

JABATAN BENDAHARI

CARTA ALIR PERMOHONAN KENDERAAN

